PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 23 (2) Disember 2019 (013-020)

Penguasaan Penulisan Karangan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu Melalui Penggunaan Imitasi

Norfazirah binti Zakaria[1], Abd Rauf bin Hassan [2], Nik Farhan binti Mustapha[3], Mohd Sukki bin Othman[4]
fazirah303@gmail.com[1], raufhassan2011@gmail.com[2], farhan@upm.edu.my[3] shauqi02@yahoo.com[4]

Universiti Putra Malaysia, Malaysia

Tarikh terima : 25 Okt 2019
Received
Terima untuk diterbitkan : 30 Nov 2019
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 15 Dis 2019
Published online

Abstrak

Kertas konsep ini bertujuan untuk menjelaskan penguasaan penulisan karangan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu melalui penggunaan imitasi. Kemahiran berbahasa secara umumnya terbahagi kepada empat bahagian iaitu, kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Penguasaan kemahiran menulis dalam bahasa kedua merupakan isu yang perlu diberi perhatian kerana kemahiran menulis merupakan satu kemahiran yang kompleks dan melibatkan integrasi pelbagai kemahiran (Mohd Uzaini & Muhammad Azhar, 2017). Turut dibincangkan di dalam kertas konsep ini ialah penggunaan imitasi bagi membantu pelajar Melayu menulis karangan dengan mudah. Imitasi adalah suatu proses kognitif untuk melakukan tindakan meniru atau menyalin gaya orang lain, tidak kira dari segi sikap, percakapan, penampilan serta apa jua tindakan dengan melibatkan pancaindera sebagai penerima rangsangan. Penulisan ini diharapkan dapat membantu para guru bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan membantu pelajar meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

Kata kunci: kemahiran menulis, penulisan karangan, pelajar Melayu, penggunaan Imitasi

The Mastery Of Arabic Writing Skills Among Malay Students Through Using Imitation

Abstract

This concept paper aims to explain the mastery of Arabic language writing among Malay students through the use of imitation. Language skills are generally divided into four parts, namely listening skills, speaking skills, reading skills and writing skills. The mastery of writing skills in the second language is an issue that needs attention because writing skills are complex skill and involve the integration of various skills (Mohd Uzaini & Muhammad Azhar, 2017). Also discussed in this concept paper is the use of imitation to help Malay students writing essays easily. Imitation is a cognitive process to perform imitating or copying the style of others, regardless of attitude, conversation, appearance and any action by involving sensors as stimulus recipients. This writing is expected to help teachers to improve the quality of teaching and to help students improve their achievement in Arabic subjects.

Keywords: writing skills, writing essays, Malay students, using Imitation

1. Pengenalan

Menulis merupakan suatu medium yang membolehkan pelajar mengekspresi buah fikiran, menzahirkan perasaan dan menceritakan sesuatu peristiwa. Menulis melibatkan murid-murid supaya berfikir, menaakul, menyusun dan mengolah idea sebelum dilahirkan dalam bentuk wacana yang lengkap. Menulis juga merupakan satu proses berterusan untuk memahami cara yang paling berkesan dalam berbahasa sebagai cara untuk berkomunikasi. Penulisan boleh menjadi satu cabaran, sama ada menulis dalam bahasa ibunda masing-masing atau dalam bahasa kedua. Penulisan juga dapat meningkatkan penguasaan bahasa kerana para pelajar mencuba pelbagai jenis perkataan baru, ayat-ayat dan menulis dalam kuantiti yang banyak untuk berkomunikasi idea-idea mereka secara lebih efektif dan untuk mempraktikkan tatabahasa dan perbendaharaan kata yang dipelajari di dalam bilik darjah (Siti Fatimah, 2013). Antara perkara yang dapat ditulis oleh pelajar ialah seperti surat-surat rasmi, surat tidak rasmi, perbincangan, wawancara, arahan-arahan dan sebagainya. Matlamat daripada kemahiran ini adalah supaya para pelajar dapat melaporkan sesuatu perkara atau maklumat yang berguna kepada orang lain dengan mudah dan berkesan (Muhammad Zahri & Muhammad Haron, 2016).

Di samping itu, kemahiran menulis juga merupakan kemahiran kognitif yang kompleks yang menjadi cabaran hebat bagi guru dan murid ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung (Che Zanariah & Fadzilah, 2011). Kementerian Pendidikan Malaysia (1987) telah menetapkan matlamat, iaitu pelajar harus dapat menghasilkan pelbagai jenis penulisan dengan tepat dan jelas tentang ilmu pengetahuan dan kegiatan harian. Di samping itu, pelajar juga digalakkan supaya menghasilkan penulisan kreatif dengan pemikiran yang kritis dan analitis.

Kesimpulannya, kemahiran menulis dapat dianggap sebagai salah satu sumber penting bagi pemerolehan ilmu pengetahuan, pengukuran terhadap pencapaian dan pelaksanaan tugas professional. Memandangkan kepentingan kemahiran menulis dalam kehidupan manusia, adalah wajar aspek pengajaran kemahiran tersebut diberi penekanan yang secukupnya kepada para pelajar di sekolah dan bermatlamat untuk melahirkan pelajar yang berkemampuan menyampaikan fikiran dan berkomunikasi secara berkesan dalam masyarakat (Marohaini, 1989). Pendekatan pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan menggunakan imitasi merupakan suatu pendekatan baru yang dapat membantu murid menghasilkan karangan yang lebih bermutu dan gramatis.

2. Kemahiran Menulis

Secara umumnya, kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sangat penting bagi setiap murid. Menulis merupakan suatu kegiatan untuk menciptakan suatu catatan atau maklumat pada suatu media dengan menggunakan aksara. Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan ayat, dan mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang dilalui.

Selain itu, kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran komunikasi non-verbal dan mempunyai perkaitan yang sangat erat dengan kemahiran-kemahiran yang lain (Nazzil Saifuddin, 2013). Bagi membolehkan seseorang pelajar mampu menulis, terlebih dahulu hendaklah beliau memiliki kemahiran mendengar yang baik bagi mendapatkan kemahiran bahasa. Kemudian beliau hendaklah mampu bertutur dengan baik dan seterusnya memiliki kemahiran membaca. Setelah itu barulah pelajar tersebut mampu menulis dengan baik. Medium penilaian dan pengukuran tahap kemampuan pelajar di Malaysia adalah melalui peperiksaan awam yang memerlukan pelajar menulis. Oleh itu, pelajar perlu mahir menulis kerana hampir semua peperiksaan memerlukan jawapan dalam bentuk penulisan.

Bagi kemahiran menulis, Kementerian Pendidikan Malaysia (1987) telah menetapkan beberapa matlamat utama iaitu pelajar harus dapat menghasilkan pelbagai jenis penulisan dengan tepat dan jelas tentang ilmu pengetahuan dan kegiatan harian. Di samping itu, pelajar juga digalakkan supaya menghasilkan penulisan kreatif dengan pemikiran yang kritis dan analitis. Kemahiran menulis merupakan aktiviti konstruktivis yang memerlukan seseorang yang terlibat secara aktif dalam proses membentuk makna dengan bahasa tulisan (Graves & Piche, 1990). Sealiran dengan Hayes dan Flower

(1979), Grave dan Piche menganggap kemahiran menulis sebagai penyelesaian kepada masalah dengan menggunakan pengetahuan sedia ada yang berasaskan kemahiran kognitif dan strategi tertentu mengikut konteks. Kemahiran menulis juga melibatkan pergerakan mata, pergerakan tangan dan juga kepintaran otak. Ianya terbahagi kepada tulisan mekanis dan tulisan kreatif. Tulisan mekanis hanyalah tulisan yang berbentuk peniruan sahaja, sedangkan tulisan kreatif memerlukan pelahiran buah fikiran oleh penulis (Ku Fatahiyah, Awatif, & Hairun Najuwah, 2014).

3. Kemahiran Menulis Bahasa Arab

Kemahiran menulis ini boleh dibahagikan kepada tiga bidang utama, iaitu tulisan huruf, khat atau menulis perkataan dan karangan. Salah Abdul Majid al-Arabi (1981) dalam Rosni Samah (2009) menyatakan bahawa terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dalam proses penulisan bahasa Arab. Antaranya ialah:

a) Memulakan penulisan dari kanan ke kiri
b) Menulis huruf Arab
c) Menulis perkataan dengan ejaan yang betul
d) Membentuk susunan ayat yang betul dan dapat difahami oleh pembaca.
e) Menggunakan sesuatu ayat dalam perenggan yang betul

Manakala dalam proses penulisan, pelajar-pelajar akan diajar dalam beberapa bentuk penulisan seperti berikut iaitu:

- Imlak atau tulisan
- Imlak secara pindah ayat
- Imlak secara lihat
- Imlak secara uji
- Khat
- Ta'bir dan Insya'
- Ta'bir ringkas
- Ta'bir secara ucapan
- Ta'bir bebas

Muhammad Kamil al-Naqah (1985) dalam Rosni Samah (2012) menyatakan bahawa objektif kemahiran menulis adalah untuk membolehkan pelajar mencapai perkara-perkara berikut:

1) Menulis huruf Arab dan mengetahui hubungan antara baris huruf dan bunyi sebutan.
2) Menulis perkataan Arab dengan huruf bercerai dan huruf bersambung serta dapat membezakan baris huruf pada awal perkataan, pertengahan dan akhir.
3) Memperkemaskan cara menulis dengan tulisan yang jelas dan betul.
4) Memperkemaskan tulisan dengan tulisan *khat nasakh* atau *raq'ah* atau mana-mana yang lebih mudah.
5) Memperbaiki penulisan yang bermula dari kanan ke kiri.
6) Mengetahui tanda-tanda penulisan dan maksudnya serta penggunaannya.
7) Mengetahui prinsip tulisan dan mengetahui perbezaan di antara sebutan dan penulisan seperti *tanwin, hamzah* dan *ta'*
8) Menterjemahkan idea dalam bentuk penulisan dengan menggunakan susunan ayat yang betul.
9) Menterjemahkan idea dalam bentuk ayat dengan menggunakan perkataan yang betul dalam konteks ayat.
10) Menterjemahkan idea dalam bentuk ayat yang betul mengikut kaedah nahu.
11) Menggunakan gaya bahasa yang sesuai bagi tema yang diungkapkan.
12) Menulis dengan pantas bagi menggambarkan idea dalam bentuk ayat yang betul.

Menurut Nazzil Saifuddin (2013), terdapat empat objektif utama kemahiran menulis bahasa Arab mengikut keperluan pelajar tingkatan 1 hingga tingkatan 3 iaitu:

1) Penggunaan dan pemilihan perkataan yang betul dalam konteks ayat bahasa Arab
2) Penyusunan perkataan yang betul dan tepat dalam ayat bahasa Arab
3) Menggunakan kaedah tatabahasa dan sorof yang betul dalam membentuk ayat bahasa Arab
4) Menterjemahkan sesuatu idea dengan baik dalam bentuk penulisan bahasa Arab

4. Kajian Kemahiran Penulisan dalam Bahasa Arab

Seperti sedia maklum kemahiran menulis merupakan kemahiran yang terakhir yang perlu dikuasai oleh para pelajar dalam proses pembelajaran bahasa. Kemahiran menulis juga merupakan kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai oleh pelajar. Kelemahan pelajar dalam kemahiran menulis khususnya kemahiran menulis karangan telah dibuktikan melalui kajian-kajian yang sangat banyak antaranya kajian yang dilakukan oleh Muhammad Zahri & Muhammad Haron (2016) jelas menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar dalam penulisan karangan bahasa Arab adalah rendah dalam penyusunan cerita yang telah diberikan. Ini dibuktikan melalui bilangan mereka yang mendapat markah kurang daripada tujuh petikan yang betul. Kesemua mereka hanya berada pada tahap 50% jawapan yang betul. Selain daripada itu, bagi soalan penyambungan cerita, kebanyakan pelajar berada pada tahap yang rendah. Hal ini dibuktikan melalui bilangan yang ramai iaitu 47 orang pelajar berada pada gred lemah dan sangat lemah. Walaubagaimana pun, seramai dua orang pelajar mendapat gred cemerlang dan 11 orang berada pada gred baik dan sederhana. Begitu juga bagi tahap penguasaan mereka dalam penulisan karangan bebas, pengkaji mendapati kebanyakan mereka berada pada tahap lemah dan sangat lemah. Hanya dua orang pelajar yang mencapai gred sederhana. Melalui dapatan yang diperolehi, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa para pelajar masih lemah dalam aktiviti penulisan karangan khususnya dalam karangan bebas yang mana kita sedia maklum bahawa karangan jenis ini biasanya merupakan karangan berbentuk perbincangan.

Selain itu, dalam kajian yang telah dilakukan oleh Normah (2014) telah mengenalpasti kesalahan yang tertinggi dilakukan pelajar berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi adalah melibatkan kesalahan *imla'*, diikuti dengan kesalahan *mudhaf wa mudhafun ilaih*, kesalahan tatabahasa Arab, dan kesalahan melibatkan *sifat wa mausuf.* Kesalahan yang paling kurang dilakukan oleh pelajar adalah kesalahan *tazkir wa ta'nis* dan pemilihan *mufrad, musanna, jama'*. Malah menurut Khazri dan Ku Siti Esah (2012) mendapati bahawa majoriti pelajar melakukan kesalahan membaris perkataan, diikuti aspek *dilalah*. Kesalahan yang paling kurang dilakukan oleh pelajar ialah aspek *imla'*, pemilihan kata tunggal, duaan dan jamak, pemilihan *ishtiqaq*, penyesuaian *muzakkar* dan *muannath***,** pemilihan *ta'diyah* dan tatabahasa.

Zainol Abidin (2003) dalam kajiannya telah menyatakan bahawa kebanyakan pelajar Melayu tidak menguasai kemahiran menulis ayat bahasa Arab berikutan disebabkan banyak faktor antaranya ialah kaedah pengajaran guru dan cara pembelajaran pelajar, pengaruh bahasa melayu dan pengolahan terhadap ayat dalam buku teks serta sukatan pelajaran yang tidak meluas terhadap semua bentuk ayat dan aspek-aspek yang berkaitan dengannya. Secara umumnya, beliau juga mendapati tahap kemahiran menulis ayat-ayat bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di Kelas Aliran Agama di sekolah-sekolah menengah kebangsaan yang dikaji masih lemah. Ini jelas dibuktikan dengan keputusan keseluruhan yang menunjukkan 59% pelajar telah gagal, 23% pada tahap lemah, 13% pada tahap sederhana dan hanya 5% berada pada tahap yang baik. Manakala tidak ada seorang yang mencapai tahap cemerlang.

Seterusnya kajian yang telah dijalankan oleh Rosni (2012) menyatakan bahawa tahap pelajar dalam penyusunan perkataan adalah baik dan menyambung ayat pula adalah sederhana, manakala dalam menulis karangan tahap pelajar adalah lemah. Malah menurut Mohamad Rofian, Ahmad Redzaudin, Khairatul Akmar dan Muhammad Daoh (2016) dalam kajian mereka turut jelas menunjukkan bahawa pelajar sarjana muda bahasa Arab menghadapi kesukaran dalam menguasai kemahiran menulis karangan terutama dalam menyiapkan karangan bahasa Arab (min=3.53), menghafal karangan bahasa Arab utk tujuan peperiksaan (min= 4.43), sukar memulakan penulisan karangan walaupun memiliki kosa kata bahasa Arab yang banyak (min=3.70), sukar menghasilkan idea utama semasa membina setiap perenggan karangan bahasa Arab (min=3.60), sukar menghuraikan idea utama dan sokongan (3.46) dan sukar menutup dan merumus karangan bahasa Arab dengan baik (min=3.5).

Kesimpulannya, antara faktor kelemahan pelajar dalam penulisan bahasa Arab yang diperolehi oleh kajian lepas ialah ketidakupayaan mereka untuk berfikir dalam bahasa Arab, ketidakmampuan untuk mengolah perkataan dan gaya bahasa yang gramatis dalam membina ayat, kelemahan penguasaan struktur dan kaedah tatabahasa bahasa Arab yang betul, serta penguasaan perbendaharaan kata yang terhad. Tahap kelemahan ini semakin terjejas apabila penulisan karangan yang melibatkan bahasa

asing turut dipengaruhi oleh isu lain seperti pengaruh bahasa ibunda (Norizan, 2018)**,** serta ketidakpatuhan pelajar terhadap peraturan morfologi sesuatu bahasa asing yang dipelajari (Hasmidar, Mardian & Puteri Roslina, 2018)**.**

Definisi Imitasi

Sebelum membahaskan pengertian pendekatan imitasi secara lebih terperinci, terlebih dahulu pengkaji akan menerangkan secara ringkas maksud imitasi. Imitasi adalah daripada perkataan Indonesia Belanda yang bermaksud tiruan (*Kamus Dewan Edisi Keempat,* 2005). Malah menurut Abdullah dan Ainon (Tesaurus Melayu Moden Utusan 1994) turut menyokong penggunaan perkataan imitasi bagi membawa makna tiruan, ciplakan dan salinan. Menurut Kamus Al-Mawrid (2005) pula, perkataan imitasi di dalam bahasa Arab disebut Muhākāt̲ _ (المحاكاة) , Taqlīd , (تقليد)atau Tazyīf (تزييف). Manakala menurut معجم عربي أساسي maksud imitasi ialah menyerupai sesuatu pada percakapan, perbuatan dan selain daripadanya.

Pengertian imitasi dalam interaksi sosial pula ialah tindakan seseorang meniru penampilan, gaya hidup bahkan sikap dan yang lebih parah lagi meniru segala hal yang dimiliki oleh orang tersebut. Proses ini melibatkan kemampuan kogntif tahap tinggi kerana ia tidak hanya melibatkan bahasa namun juga pemahaman terhadap pemikiran orang lain. (Noradzimah, Abdul Razak & Normah, 2015).

Berdasarkan definisi-definisi tersebut dapatlah disimpulkan bahawa imitasi adalah satu pembelajaran yang dikenali sebagai pembelajaran melalui pemerhatian dan kemudian melakukan kembali tindakan yang sama dengan model yang diperhatikan.

5. Teori

Konsep pembelajaran imitasi ini telah melalui pelbagai proses analisis dan kajian yang telah dilakukan oleh pelbagai tokoh pembelajaran melalui sejarah psikologi. Menurut Neil Miller dan John Dollard (1941) mengatakan bahawa pembelajaran imitasi adalah hasil proses pembelajaran yang ditiru daripada orang lain. Proses pembelajaran tersebut dinamakan "Pembelajaran Sosial". Proses ini telah melaksanakan penggabungan dua teori serentak iaitu teori mazhab behaviorisme dengan teori mazhab kognitif. Seterusnya proses pembelajaran ini telah diperkembangkan lagi kajiannya oleh Albert Bandura dan Richard Walters (1959,1963), yang telah menjalankan kajian tentang pembelajaran melalui proses permodelan iaitu pembelajaran melalui proses pemerhatian atau peniruan. Teori ini juga dikenali sebagai Teori Perlakuan Model.

Teori Pembelajaran Sosial yang dikemukakan oleh Albert Bandura telah memberi penekanan tentang bagaimana perilaku manusia dipengaruhi oleh persekitaran melalui peneguhan (reinforcement) dan pembelajaran peniruan (observational learning), dan cara berfikir yang kita miliki terhadap sesuatu maklumat dan juga sebaliknya, iaitu bagaimana tingkah laku kita mempengaruhi persekitaran dan menghasilkan peneguhan (reinforcement) dan peluang untuk diperhatikan oleh orang lain (observational opportunity). Menurut beliau, proses mengamati dan meniru perilaku dan sikap orang lain sebagai model merupakan tindakan belajar. Beliau menjelaskan lagi bahawa aspek pemerhatian pelajar terhadap apa yang disampaikan atau dilakukan oleh guru dan juga aspek peniruan oleh pelajar akan dapat memberikan kesan yang optimum kepada kefahaman pelajar.

Bandura (1977) menyatakan bahawa *"Learning would be exceedingly laborious, not to mention hazardous, if people had to rely solely on the effects of their own action to inform them what to do. Fortunately, most human behaviour is learned observationally through modelling: from observing others one form an idea of her new behaviour are performed, and on later occasion this coded information serves as a guide for action"* (p. 22).

Vygotsky (1962,1978) menyatakan bahawa kematangan pemikiran pelajar berkembang dengan meniru dan memerhatikan bagaimana model, guru atau orang yang lebih mahir melakukan sesuatu tugasan. Seterusnya pelajar tersebut akan melakukan tugasan bahasa itu sendiri dengan panduan model dan guru. Pelajar akan mula bekerja di bawah sokongan dan bimbingan model, guru dan orang

yang lebih mahir. Seterusnya sokongan dan bimbingan tersebut akan mula berkurangan apabila pelajar semakin mahir. Teori ini menunjukkan kepentingan peranan model dan contoh dalam pembelajaran bahasa asing.

Selain daripada pandangan sarjana Barat mengenai imitasi, sarjana Islam iaitu Ibnu Khaldun juga mempunyai pandangan yang tersendiri mengenai imitasi ini. Beliau telah menyebut dalam karyanya, Kitab *Al-Muqaddimah*, berkenaan kaedah yang perlu digunakan oleh para guru dalam pendidikan bahasa Arab dan tidak membincangkan kaedah-kaedah umum dalam sesuatu disiplin ilmu. Namun, kaedah dan langkah yang perlu digunakan dalam pengajian umum boleh dilakukan dengan mengambil pendekatan yang telah dikemukakan oleh beliau kerana kaedah-kaedah yang diberikan amat menarik serta dibincangkan dengan terperinci untuk diaplikasikan dalam pendidikan. Antara salah satu kaedah pendidikan yang telah dikemukakan oleh Ibnu Khaldun dalam penulisan beliau adalah *Muhakah* atau *Taqlid* (peniruan).

Muhakah atau *taqlid* termasuk dalam pendekatan-pendekatan yang berjaya dalam pengajaran peringkat pertama di mana kanak-kanak mempunyai minat untuk memindahkan apa yang disaksikannya dana pa yang disaksikan itu akan bertimbal balik dengan dirinya apabila gambaran disaksi itu terpahat kukuh dalam jiwanya (Abdullah al-Amin Na'mi (terj. Ramzi Omar), 1994). Ibnu Khaldun juga menganggap pendekatan pengajaran ini sangat penting dan memberi kesan dalam pendidikan. Kadang-kadang Allah SWT mempermudahkan manusia memperolehi ilmu dalam jangkamasa yang singkat apabila manusia berpegang kepada amalan para guru, ibu bapa dan tua.

Abdullah al-Amin Na'mi (1994) mengatakan bahawa pemikiran Ibnu Khaldun ini memberi gambaran perbezaan antara manusia dan binatang dalam memberikan pengalaman, iaitu manusia akan mendapat faedah dalam kehidupan melalui pengalaman yang dihadapi oleh orang-orang sebelumnya. Manusia akan menggunakan akal untuk menilai setiap perbuatan yang dilalui dan tidak mengulangi percubaan yang sama yang dilakukan oleh manusia lain untuk mendapat pengalaman. Perkara ini berbeza dengan binatang yang perlu mengulangi perbuatan yang dilakukan oleh binatang lain sepanjang hidupnya. Perbandingan ini memberikan ruang kepada manusia dalam memungkinkan mereka memindahkan warisan kebudayaan dan sosial oleh generasi terdahulu kepada generasi baru sehingga kehidupan manusia berterusan serta diperbaharui dalam corak kemasyarakatan.

6. Kajian Penggunaan Imitasi dalam Penulisan

Menurut Campbell (1966), penggunaan imitasi adalah diantara teknik yang digunakan untuk mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan. Namun begitu, penggunaannya bukanlah satu solusi dalam menyelesaikan masalah penulisan karangan tetapi ia menjadi satu cara untuk membantu pelajar dalam mempertingkatkan ekspresi idea-idea mereka.

Kajian telah mencadangkan penggunaan model karangan di dalam pembelajaran penulisan pelajar dengan sewajarnya bagi mencapai tahap penulisan yang baik. Ini berikutan kajian tersebut telah menunjukkan bahawa model karangan telah mempengaruhi kebolehan pelajar secara signifikan di dalam prestasi penulisan karangan mereka (Mahnaz & Farnaz, 2011).

Seterusnya dapatan kajian mendapati bahawa pelajar yang menerima model karangan beserta arahan eksplisit telah mendapat keputusan yang lebih baik pada *Essay* 1, *Essay* 2 (1 minggu kemudian), dan Kuiz (1 bulan kemudian) (Rebekha Abbuhl, 2011). Malah menurut Rahmawati (2007) dalam Yayan Nurbayan (2011) turut menyatakan bahawa imitasi adalah sesuai untuk diaplikasi kepada pembelajaran penulisan. Walaubagaimanapun menurut beliau, yang ditiru atau disalin itu hanyalah kerangka,idea ataupun teknik penulisan daripada model karangan.

Belajar menulis (*insya'*) dengan menggunakan imitasi dapat meningkatkan keupayaan pelajar dalam menulis *faqraṯ* dan *kitābaṯ hurriyaṯ* (Nurbayan, 2011). Ini dibuktikan dari perbezaan yang signifikan antara pra ujian yang dijalankan sebelum rawatan bermula dengan keputusan ujian pasca dijalankan setelah kajian dijalankan.

Seterusnya dapatan kajian menunjukkan bahawa imitasi gaya bahasa *Istifhām*, *Nidā', Amr* dan *Nahy* telah dilaksanakan oleh responden melalui tiga teknik imitasi iaitu teknik Imitasi Model, teknik Penggantian Leksikal dan teknik Penggantian Keseluruhan Ayat. Selain daripada itu, kajian juga merekodkan kesilapan yang tertinggi yang telah dilakukan oleh responden ialah kesilapan sintaksis antaranya kesilapan menambah alif lam (ال)pada perkataan (الحياتنا) dan menyebabkan berlakunya pengulangan ma'rifat, penggunaan kata ganti nama (ضمير) yang tidak bertepatan dengan kata kerja kerja Mudhari' dan menggugurkan huruf Nasab (أن)di antara perkataan (يمكننا) dan (يمثل)(Nur Hafizah, 2015).

7. Kesimpulan

Kemahiran menulis merupakan kemahiran keempat yang perlu dikuasai oleh murid-murid dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Walaupun kemahiran ini berada ditingkat kemahiran yang terakhir, namun kemahiran ini lebih sukar dan kompleks untuk dikuasai oleh pelajar. Justeru para guru perlu mengambil berat cara bagaimana untuk mengajar kemahiran ini dengan lebih berkesan. Hasil kajian pengkaji-pengkaji lepas mendapati bahawa penggunaan imitasi dalam kemahiran menulis memberikan kesan yang positif kepada pelajar dan keputusan mereka. Kaedah imitasi yang dibincangkan dalam kertas konsep ini diharap dapat membantu guru-guru bagi memantapkan lagi pengajaran mereka dalam bahasa Arab terutamanya dalam kemahiran menulis bahasa Arab. Kaedah ini juga dapat digunakan oleh guru-guru untuk mengajar murid-murid yang lemah. Disamping itu, bukan sahaja kaedah yang perlu diutamakan, guru juga hendaklah mengambil berat perkara-perkara lain yang berkaitan dengan diri pelajar itu sendiri.

Rujukan

Abdullah Al-Amin Al-Na'miy. (1994). *Kaedah dan pengajaran menurut Ibn Khaldun dan Al-Qabisi.* Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Bandura, Albert. (1962). *Social Learning Through Imitation*. Lincoln, NE: University of Nebraska Press.

Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Menulis Di Sekolah Rendah. *Malay Language Education Journal (MyLEJ)*, 1(1), 67–87.

Hasmidar Hassan, Mardian Shah Omar & Puteri Roslina Abd Wahid. (2018). Kecelaruan Morfologi Dalam Penulisan Bahasa Melayu Oleh Penutur Asing. *Jurnal Linguistik*, *22*(2), 020–036.

Ku Fatahiyah Ku Azizan, Awatif Abd Rahman & Hairun Najuwah Jamali. (2014). Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab di IPT Malaysia. *GSE Journal of Education*, 1(2), E-ISSN: 2289-6880.

Mohd Uzaini Mahmood & Muhammad Azhar Zailaini. (2017). Kemahiran Menulis Jumlah Bahasa Arab. *The Online Journal of Islamic Education*, 5(1), 20–27.

Muhammad Zahri Abdul Karim & Muhammad Haron Husaini. (2016). T*ahap Penguasaan Penulisan Karangan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Agama Menengah.* E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi, iii(1), 123–138. https://doi.org/10.1111/j.1475-6765.2011.02014.x

Nazzil Saifuddin Abd. Rahim. (2013). *Kemahiran Menulis Ayat Mudah Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama ABIM Kajang, Malaysia*. Tesis Peringkat Sarjana, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.

Noradzimah Abdul Majid, Abdul Razak Nordin & Normah Kamarodzan. (2015). Penjanaan Idea Kreatif Lukisan Kanak-kanak Menerusi Kaedah Imitasi. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*. Vol 9.1–13.

Norizan Che Su. (2018). Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Pembinaan Struktur Ayat Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing. *Jurnal Linguistik*, 22(2), 010–019.

Siti Fatimah Saad. (2013). *Kaedah pengajaran kemahiran menulis bahasa arab di peringkat sekolah rendah*. Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013, (June), 176–185.

Rebekha Abbuhl (2011). *Using Models in Writing Instruction: A Comparison With Native and Nonnative Speakers of English*. SAGE Open Inc. telah dimuat turun pada 24 Januari 2018.

Rosni Samah. (2014). *Kaedah Muhakaat Ibnu Khaldun untuk Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia.* Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014.

William Zinsser, *On Writing Well, 30th Anniversary Edition: The Classic Guide to Writing Nonfiction* (New York: Harper Collins, 2006), 34.

Yayan Nurbayan. (2011). Using the Imitating Modul Techniques on Insya' Teaching for Improving the Student's Writing Ability in Thesis. *International Journal for Educational Studies*. 4 (1) p. 99-106

Biodata Penulis

Norfazirah binti Zakaria. Bersekolah di SMU Maahad Muhammadi Lilbanat, Kota Bharu, Kelantan. Seterusnya menyambung pengajian di Universiti Malaya dan memperoleh BA (Hons) dalam Pendidikan Islam. Berkhidmat sebagai guru selama 7 tahun dan sedang menyambung pengajian di peringkat Sarjana dalam bidang bahasa Arab di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Abd Rauf bin Hassan merupakan seorang Prof Madya bahasa Arab di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Perkamusan Arab atau Leksikografi dari Universiti Malaya. Beliau turut mempunyai kepakaran dalam bidang Filologi & Sintaksis Arab. Banyak hasil karya beliau yang telah diterbitkan sama ada dalam artikel jurnal dan juga buku ilmiah.

Nik Farhan Mustapha merupakan seorang pensyarah kanan bahasa Arab di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Psikolinguistik dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Hasil kepakaran beliau yang menggabungkan kemahiran bahasa Arab dan psikologi, terutamanya kemahiran membaca, banyak diterbitkan dalam jurnal, dan juga bab dalam buku.

Mohd Sukki bin Othman merupakan seorang Prof Madya bahasa Arab di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Beliau juga masyhur dengan gelaran 'Ustaz Shauqi'. Memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang I'jaz al-Quran dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Keilmuan beliau telah dibukukan dalam pelbagai penerbitan, sama ada buku ilmiah mahupun artikel jurnal. Selain itu, kepakaran beliau dalam berkarya turut disiarkan menerusi penulisan dalam akhbar dan juga majalah.